

30 JANUARI 2018

Dadah Karachi RM18 juta

HARIAN METRO

'Garam' termahal Pakistan

Kastam tahan 18 warga asing, rampas syabu RM5 juta

Haris Muballigh Bahadur
ang@metro.com.my

Ringkas
Dadah syabu 'merikamar' sebagai garam kasar, itu...

sekarang anggota JKDM Cawangan Narkotik menahan sembilan di premis itu selepas mendapat maklumat hasil siasatan diilakukan.

mula jadi dari Pakistan untuk mengahuri pihak berkuasa," katanya. Namun berkecua, hasil rampasan itu, JKDM turut menahan seorang le-

LAPORAN Harian Metro semalam.

foto: HAZREEN MOHAMAD DAN NIK HARIF HASSAN

SUBROMANIAM
(empat dari kanan) menunjukkan dadah 880 kilogram dengan nilai RM18 juta yang disimpan dalam dua lori kontena.

DADAH KARACHI RM18 JUTA

Sindiket seludup 880kg barang terlarang dari Pakistan tumpas

Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor
mohdhelmi@hmetro.com.my

Nilai

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan sindiket pengedaran dadah apabila merampas 880 kilogram (kg) dadah bernilai RM18 juta dalam serbuan di sebuah premis di Kajang, Selangor, Jumaat lalu.

Ketua Pengarahnya Datuk T Subromaniam berkata, bertindak atas maklumat diterima, Cawangan Narkotik JKDM bergegas ke stor penyimpanan itu pada jam 11.30 malam.

Katanya, sebaik tiba, 14 lelaki dan tiga wanita warga asing dipapati sedang memungkah guni dari dua kontena untuk dimasukkan

“Anggota kami mendapati semua guni berkenaan tertera tulisan Pakistan Natural Iodine Salt”
Subromaniam

ke dalam premis.

“Sehubungan itu, 17 suspek berusia 18 hingga 50 tahun ditahan. Hasil soal siasat, kami menahan seorang lagi lelaki warga asing dalam kereta di sebuah testoran berhampiran,” katanya pada sidang media di pejabat Cawangan Narkotik JKDM, Kampung Jijan Tengah, di sini, semalam.

Subromaniam berkata, suspek membabitkan 10 warga Pakistan, empat warga Myanmar dan empat warga Indonesia.

Katanya, pemeriksaan pada

GUNI mengandungi dadah yang dirampas di Kajang.

kontena dan premis menemui enam guni mengandungi ketamin seberat 114 kg dan 31 guni mengandungi heroin seberat 766 kg.

“Anggota kami mendapati semua guni berkenaan tertera tulisan Pakistan

Natural Iodine Salt.

“Mereka cuba mengahuri pihak berkuasa apabila meletakkan 1,885 bungkus garam dalam kontena terbabit,” katanya.

Beliau berkata, siasatan mendapati dadah itu dibawa

dari Karachi, Pakistan sebelum tiba di Pelabuhan Barat, Pulau Indah.

Katanya, semua suspek direman tujuh hari bermula Sabtu lalu hingga Jumaat ini mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.